

PROGRAM INOVASI DAN INTEGRITI JANM 2017

Bengkel Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK)

Bengkel KIK JANM telah diadakan pada 10 Julai hingga 14 Julai 2017 bertempat di IPN, Sabak Bernam. Penceramah bagi bengkel tersebut ialah Tuan Haji Baharin bin Haji Yahaya, seorang pesara Kastam Diraja Malaysia. Bengkel ini telah dihadiri oleh 34 orang pegawai yang terdiri daripada pegawai dari Bahagian JANM, JANM Negeri dan Cawangan.

Pertandingan Mencipta Tema Inovasi



Pertandingan ini diadakan bermula pada 14 Jun hingga 31 Julai 2017. Tema “Membudayakan Inovasi Memperkasakan Perakaunan Akruan” telah dipilih oleh pihak juri untuk memenangi pertandingan ini. Senarai pemenang pertandingan adalah seperti berikut:

Jadual 1 : Senarai Pemenang Pertandingan Mencipta Tema Inovasi

Kedudukan	Nama Pemenang	Bahagian/JANM Negeri/Cawangan
Pertama	Puan Suziana binti Lipoh	JANM Sandakan
Kedua	Puan Siti Aishah binti Bahrom	BWTD
Ketiga	Puan Sofiana binti Osman	JANM Terengganu

Pertandingan Menulis Artikel Inovasi Dan Integriti



Pertandingan Artikel Inovasi dan Integriti diadakan bertujuan untuk mencungkil dan mengasah bakat menulis di kalangan warga JANM. Tempoh pertandingan bermula dari 14 Jun hingga 31 Julai 2017. Artikel-artikel pemenang telah dikongsikan di dalam portal *Knowledge Management* JANM. Senarai pemenang adalah seperti berikut:

Jadual 2 : Senarai Pemenang Pertandingan Menulis Artikel Inovasi Dan Integriti

Kedudukan	Nama Pemenang	Bahagian	Tajuk Artikel
Pertama	Mazlina binti Mohd Rasit	BKP	Integriti@NEGARAKU
Kedua	Noraida binti Alias	BKP	Transformasi Manual Kepada <i>Online</i> : Garapan Inovasi Melalui <i>Consultancy Management System (COMS)</i>
Ketiga	Gloria Angela James Noah	BKP	Cetusan Idea Asli - Inovasi "Konsep <i>Reversal & Reclassification (R&R)</i> " Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri (1SPEKS)

Pertandingan Idea Inovasi

Pertandingan Idea Inovasi diadakan bertujuan untuk memupuk budaya inovasi dan kreativiti di kalangan warga JANM yang boleh diketengahkan untuk kebaikan organisasi. Sebanyak enam (6) penyertaan telah diterima oleh urus setia pertandingan. Tempoh pertandingan bermula dari 19 Julai hingga 18 Ogos 2017. Tiga (3) pemenang yang telah dipilih oleh juri adalah seperti berikut:

Jadual 3 : Senarai Pemenang Pertandingan Idea Inovasi

Kedudukan	Nama Pemenang	Idea Inovasi	Bahagian/JANM Negeri/Cawangan
Pertama	Encik Ahmad Badri bin Abu Bakar	Sistem pelaporan latihan 1GFMAS menggunakan sistem <i>Dashboard</i> Latihan 1GFMAS.	JANM Perak
Kedua	Puan Hamimah binti Abdul Aziz	Permohonan penyata gaji lama dan <i>reset</i> kata laluan melalui penghantaran notifikasi SMS menggunakan <i>BOSS code</i> .	BPTM
Ketiga	Encik Saufi bin Mat Hassan	Mewujudkan satu sistem aplikasi berkaitan dokumentasi kontrak dan perolehan JANM.	BPTM


Pertandingan Poster Inovasi

Pertandingan ini bertujuan untuk mencungkil kreativiti warga JANM. Pertandingan yang bertemakan 'Inovasi dan Integriti Pemangkin Merealisasikan Perakaunan Akruan' ini telah bermula dari 18 Julai hingga 22 Ogos 2017.

Poster pemenang tempat pertama telah dijadikan *backdrop* dan *bunting* sempena Sambutan Hari Inovasi dan Integriti JANM 2017, manakala poster pemenang tempat kedua telah dijadikan *backdrop* dan *bunting* bagi Konvensyen KIK JANM 2017. Keputusan pertandingan adalah seperti berikut:

Jadual 4 : Senarai Pemenang Pertandingan Poster Inovasi

Kedudukan	Nama Pemenang	Bahagian/JANM Negeri/Cawangan
Pertama	Encik Mohd Shukry bin Md. Nor	BPTM
Kedua	Puan Nurul Aida binti Mohamed Amin	JANM Pulau Pinang
Ketiga	Encik Mohd Shyazali bin Salleh	IPN



Pemenang Tempat Pertama



Pemenang Tempat Kedua



Pemenang Tempat Ketiga

Pertandingan Video Pendek Inovasi

Tema yang diberikan untuk pertandingan video pendek inovasi adalah “Aspirasi Pencetus Inovasi”. Pertandingan ini terbuka kepada semua warga JANM termasuk JANM Negeri dan Cawangan. Namun begitu, hanya satu (1) penyertaan diterima untuk pertandingan video pendek pada tahun ini iaitu daripada JANM Negeri Sabah dengan tajuk “Kesihatan Teras Inovasi”. Hadiah saguhati telah disampaikan kepada JANM Negeri Sabah pada Majlis Sambutan Hari Inovasi dan Integriti JANM 2017.

Lawatan Inovasi

Program lawatan inovasi merupakan salah satu program inovasi tahunan JANM. Lawatan ini telah diadakan pada 3 Oktober 2017 bertempat di LHDN Cyberjaya dan KPJ Healthcare Bhd. Seramai 25 orang pegawai dari JANM Ibu Pejabat telah menyertai lawatan tersebut.

Lawatan ini bertujuan mendapatkan pendedahan dan perkongsian ilmu terutamanya dalam etika kerja dan budaya inovasi yang diterapkan dalam organisasi ini sekaligus melayakkan mereka menerima anugerah berkaitan inovasi.



Lawatan Inovasi Ke LHDN Cyberjaya



Lawatan Inovasi Ke KPJ Healthcare Bhd

Jom Fiesta 2017

Program Jom Fiesta 2017 telah dianjurkan dengan beberapa aktiviti seperti berikut:

Jadual 5 : Program Jom Fiesta 2017

Bil.	Aktiviti	Butiran	Tarikh
1.	<i>Running Man</i>	<i>Running Man</i> – JANM 2017 adalah gabungan di antara <i>Amazing Race</i> dan <i>Treasure Hunt</i> . Para peserta mengharungi beberapa jenis cabaran di samping menyelesaikan soalan-soalan <i>treasure hunt</i> (Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris) berdasarkan kepada panduan-panduan yang diberikan.	3 Okt 2017
2.	<i>AG Bazaar</i>	<i>AG Bazaar</i> menyediakan pelbagai jualan makanan, pakaian dan barang-barang menarik di perkarangan tangga.	4 Okt 2017
3.	<i>Kahoot Stairs Challenge</i> Siri 1	Permainan <i>kahoot</i> berlangsung di Dewan Serbaguna JANM di mana soalan-soalan yang diberikan adalah berkisar aktiviti inovasi dan keceriaan tangga di bangunan JANM.	4 Okt 2017
4.	<i>Kahoot Stairs Challenge</i> Siri 2	Pertandingan <i>kahoot</i> dijalankan di Dewan Serbaguna JANM.	21 Dis 2017



Majlis Perasmian Jom Fiesta 2017 Oleh YBhg. Dato' ANM



Para Peserta Jom Fiesta 2017 Bergambar Bersama Pengurusan Tertinggi JANM

Demo Inovasi Kadbod

Demo Inovasi Kadbod dijalankan bersama dengan *Kahoot Stairs Challenge* Siri 2 pada 21 Disember 2017 bagi mencungkil kreativiti warga JANM dalam menghasilkan peralatan pejabat daripada kadbod dan barangan terpakai. Hasil ciptaan telah dipamerkan semasa Perhimpunan Bulanan JANM bulan Disember 2017.



Proses Pembinaan Perabot Menggunakan Kadbod



Hasil Ciptaan Perabot

Konvensyen KIK

Konvensyen KIK peringkat JANM telah diadakan pada 10 Oktober 2017 bertempat di Dewan Serbaguna, JANM Putrajaya.

Objektif KIK JANM diadakan antaranya adalah:

1. Mekanisme untuk melibatkan pekerja dalam proses penyelesaian masalah atau penambahbaikan proses kerja sedia ada atau memperkenalkan sesuatu yang baharu.
2. Memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam cara kerja yang diamalkan.
3. Menerapkan konsep *knowledge-based* dan *creativity-driven* bagi membolehkan organisasi menghasilkan inovasi yang memberi nilai tambah kepada produk atau perkhidmatan.

Konvensyen ini diadili oleh tiga (3) orang hakim daripada JKDM, INTAN dan MAMPU. Keputusan konvensyen adalah seperti berikut :

Jadual 6 : Senarai Pemenang Konvensyen KIK JANM 2017

Kedudukan	Nama Kumpulan	Bahagian/JANM Negeri/Cawangan
Pertama	HARMONI	BKP
Kedua	iSYNC	IPN
Ketiga	SMART 10	JANM Melaka



Pembentangan Daripada Kumpulan Yang Bertanding



Johan Konvensyen KIK JANM 2017



Pemenang Tempat Kedua




Pemenang Tempat Ketiga

Sambutan Hari Inovasi Dan Integriti JANM Tahun 2017

Sambutan Hari Inovasi dan Integriti JANM dilaksanakan setiap tahun dengan disokong oleh penganjuran program/aktiviti inovasi dan integriti sebagai galakan penyertaan daripada warga JANM. Tema sambutan pada tahun ini ialah “Membudayakan Inovasi Memperkasakan Perakaunan Akruan”.

Sambutan Hari Inovasi dan Integriti JANM 2017 telah disempurnakan oleh YB. Dato’ Wira Othman bin Aziz, Timbalan Menteri Kewangan I pada 11 Oktober 2017. Pada majlis itu juga YB. Dato’ Wira telah berbesar hati melancarkan sistem 1SPEKS dan menyampaikan hadiah kepada para pemenang pertandingan inovasi yang dianjurkan sepanjang tahun 2017.



Majlis Dirasmikan Oleh YB. Dato’ Wira Othman Bin Aziz, Timbalan Menteri Kewangan I



Ucapan Perasmian Oleh YB. Timbalan Menteri Kewangan I